



**KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA
8 APRIL 2020 (RABU)**

PROGRAM KHAS CB-PRIHATIN (COVID-19)

1. Berikutan penularan wabak Covid-19, CBP menyahut inisiatif kerajaan melalui pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang telah diumumkan pada 27 Mac 2020 serta Pakej Prihatin PKS pada 6 Mac 2020.
2. Pada hari ini, 8 April 2020, Mesyuarat Anggota Lembaga CBP telah meluluskan satu program khas bagi membantu semua pihak berkepentingan yang dikenali sebagai **Program CB-Prihatin** yang akan memberikan manfaat kepada pihak berkepentingan CBP.
3. Melalui Program CB-Prihatin ini, 3 pakej diperkenalkan iaitu
 - a) Pakej Pembiayaan CB-Prihatin PKS & Koperasi;
 - b) Pakej CB-Prihatin (Covid-19); dan
 - c) Pakej Majikan CB-Prihatin.
4. **Pakej Pembiayaan CB-Prihatin PKS & Koperasi** dengan dana berjumlah RM 100 juta kepada PKS dan koperasi dengan ciri-ciri berikut:
 - a) Grace Period (Profit Servicing), tangguhan bayaran prinsipal selama 9 bulan. Hanya bayaran keuntungan pembiayaan diambilkira.
 - b) Kadar keuntungan yang rendah. Kadar yang ditawarkan adalah ECOF + 1% setahun.
 - c) Yuran guaman sebanyak 50% akan ditanggung oleh CBP.
5. CBP juga akan memberi moratorium kepada semua pelanggan korporat (PKS) dan koperasi yang layak bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020. Bagi koperasi kredit, moratorium akan diberikan sekiranya koperasi tersebut turut memberikan moratorium kepada pelanggan mereka.
6. Selain itu, bagi pelanggan baharu pembiayaan peribadi iaitu pembiayaan yang telah dikeluarkan selepas 1 April 2020, pelanggan boleh memohon untuk penangguhan bayaran ansuran selama 3 bulan dan tertakluk kepada kelulusan CBP. Pakej ini terbuka sehingga 30 September 2020 dengan adar keuntungan serendah 3.45% setahun.

7. Melalui **Pakej CB-Prihatin (Covid-19)** juga, CBP memperuntukkan dana sebanyak RM 500ribu dengan sasaran untuk memberi bantuan kewangan dan keperluan Personal Protective Equipment (PPE) kepada “frontliners” negara serta mangsa Covid-19.
8. Bermula April sehingga September 2020, RM400 akan diberikan kepada kakitangan CBP yang layak secara bulanan bagi meringankan beban kewangan keluarga akibat penularan Covid-19 melalui **Pakej Majikan CB-Prihatin**.
9. “Sehubungan dengan ini, saya menjemput mana-mana koperasi atau PKS yang terjejas akibat Covid-19 untuk mendapatkan pembiayaan melalui program CB-Prihatin PKS + Koperasi CBP” kata Mohd Nor Abd Razak, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CBP.
10. Mesyuarat Anggota Lembaga juga telah meluluskan pembayaran interim bagi dividen bagi tahun 2019 sebanyak 3%. Manakala baki dividen akan dibayar selepas Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) CBP yang akan diadakan pada bulan September nanti.
11. Melalui Program CB-Prihatin, CBP berharap ia dapat meringankan beban kewangan setiap pelanggannya.

Oleh:

Mohd Nor Abd Razak
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
Co-opbank Pertama (CBP).

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah bank. CBP mempunyai 26 buah cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk Pembiayaan (Individu, Koperasi serta Korporat), Ar-Rahnu, Deposit, Syer Keanggotaan serta Takaful dan Wasiat Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my

Jabatan Transformasi

Syaiful Arief Syah Bin Mohamed Said
Ketua Transformasi
syaiful@cbp.com.my
013-394 4999

An Nur Syuhada Amran
Pegawai Transformasi
syuhada.amran@cbp.com.my
013-3710588